



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/05/07_24 (HQ)

TNB DAN GLOMAC MEMBENTUK GANDINGAN STRATEGIK BAGI MENEROKA PELUANG TENAGA HIJAU

- TNB dan GTSB akan berkongsi kepakaran mereka dalam tenaga boleh baharu untuk menawarkan fasiliti dan harga yang kompetitif kepada pelanggan yang berminat untuk menggunakan tenaga bersih.
- Kerjasama itu akan meneroka potensi solar terapung, solusi solar lain dan projek fasiliti hijau di tapak berpotensi, menyediakan ekosistem lebih kukuh untuk pemain industri tenaga hijau.
- MoU bertujuan menyokong aspirasi Malaysia ke arah neutral karbon menjelang 2050 melalui penggunaan infrastruktur dan teknologi hijau yang berdaya harap.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang menerajui pelaksanaan peralihan tenaga negara, baru-baru ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Glomac Technology Sdn Bhd (GTSB), anak syarikat pemaju hartanah, Glomac Berhad. Kedua-dua pihak akan meneroka potensi peluang perniagaan solar terapung di samping solar lain serta projek kemudahan hijau di tapak yang akan dikenalpasti dan dipersetujui bersama.

“Gandingan strategik ini akan membolehkan kedua-dua pihak memenuhi permintaan pelanggan kami yang semakin meningkat terhadap tenaga hijau,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato’ Indera Ir. Baharin Din. Beliau menegaskan kerjasama itu akan meningkatkan nilai perniagaan mampan TNB dan Glomac dalam membangunkan keupayaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi negara neutral karbon menjelang 2050. “TNB sebagai syarikat utiliti tenaga negara akan membantu pelanggan dan rakan kongsi kami untuk meneroka nilai mampan mereka ke tahap yang lebih tinggi.”

Baharin menandatangani MoU itu bagi pihak TNB manakala GTSB diwakili Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Glomac Berhad, Datuk Seri FD Iskandar di TNB Platinum, Bangsar pada 17 April 2023. Majlis menandatangani MoU itu disaksikan Ketua Pegawai Retail TNB, Kamal Arifin A. Rahman dan Pengurus Besar Kanan Business Development & Property Management Glomac Bhd, Azhar Shaharudin.

Menurut FD Iskandar, “Di peringkat kumpulan, kami telah memutuskan untuk membuka bidang perniagaan baharu dengan memberi tumpuan kepada tenaga boleh baharu sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjang untuk mempelbagaikan portfolio perniagaan kami yang selama ini tertumpu kepada pembangunan hartanah.

S.A. 2023/05/07_24 (HQ)

“MOU ini tepat pada masanya kerana kami melihat pelbagai potensi melalui kerjasama dengan TNB bagi membantu pelanggan di seluruh negara membuat peralihan yang lebih pantas ke arah penggunaan tenaga bersih. Anak syarikat kami, GTSB boleh menyediakan penyelesaian solar PV terapung kepada pelanggan yang mungkin tidak mampu memasang panel solar pada hartanah mereka, agar dapat membeli atau memajak sebahagian daripada kemudahan solar yang lebih besar dan tersedia di kawasan lain.”

Baharin berkata, kerjasama TNB-GTSB adalah sebahagian daripada komitmen TNB untuk memastikan kejayaan inisiatif ESG merentasi rantai nilai elektriknya, daripada peralihan penjanaan kuasa kepada sumber yang lebih bersih, meningkatkan Grid Masa Depan (GoTF) untuk membolehkan lebih banyak solusi hijau dan memudahkan penyertaan pengguna dalam peralihan tenaga.

Dengan TNB sentiasa mencari penyelesaian teknologi inovatif yang akan membantu mempercepatkan pertumbuhannya dalam sektor tenaga boleh baharu, Baharin menambah kata, TNB berminat untuk mempunyai lebih ramai rakan kongsi yang berfikir sama merentas ekosistem dan rantai nilai supaya rakan kongsi dan pengguna TNB akan terus diperkasakan dengan amalan yang bertanggungjawab dan mampan.

Baharin menjelaskan berbanding sistem fotovoltaiik solar tradisional, solar terapung mempunyai lebih banyak kelebihan daripada sekadar memenuhi keperluan tenaga harian pelanggan. "Solar terapung menjimatkan penggunaan tanah, tidak menjejaskan ekosistem tasik, dan ia menikmati kecekapan penjanaan kuasa lebih tinggi kerana penyejukan air akan beroperasi sebagai sistem penyejukan semula jadi."

Bisnes teras GTSB adalah menjurus kepada penyediaan kemudahan solar fotovoltaiik (PV) terapung meliputi reka bentuk, pembuatan dan pemasangan panel solar pada pelantar terapung atau pontun atas air di kawasan takungan, tasik dan kolam.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 7 May 2023, jam 10:00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi:

TNB

*Hanim Idris 019-2617617 / Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606
atau emel kami di: media@tnb.com.my*

Glomac Berhad

*Nurin Mastura
Head, Corporate Communication*

*email: gccm@glomac.com.my
Tel: 03-7723 9056*

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti Malaysia terkemuka di Asia dengan jejak antarabangsa di United Kingdom, Kuwait, Turkiye, Arab Saudi dan India. Dalam bidang Tenaga Boleh Baharu setakat Disember 2022, TNB memiliki kapasiti bekalan elektrik berjumlah 2,896MW di Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro besar) dan 993MW di seluruh UK, Turkiye, dan India yang meliputi penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Di samping menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Disember 2022, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10.6 juta pelanggan.

Glomac Berhad

Sejak 1995, Glomac adalah sinonim dengan projek hartanah yang bernilai tinggi dengan rekabentuk tersendiri. Sebagai pemaju hartanah yang telah memenangi pelbagai anugerah projek pembangunan di KL, Selangor dan Johor, kami menawarkan produk perumahan bertingkat (*high-rise*), atas tanah (*landed*) serta unit komersil sebagai pilihan terbaik untuk tujuan berkediaman dan pelaburan. Glomac Berhad berhasrat untuk terus menawarkan rumah mampu milik untuk bakal pembeli kami dan keluarga mereka dengan mengutamakan ciri-ciri keselesaan, keselamatan dan kemudahan.

Mengenai Glomac Technology Sdn. Bhd. (GTSB) No. Syarikat 198901012907 (190216-D)

Sebuah anak syarikat di bawah kumpulan syarikat Glomac, Glomac Technology Sdn. Bhd. (GTSB), merupakan pembekal penyelesaian solar *photovoltaic* (PV) terapung, yang menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan PV solar yang komprehensif, termasuk reka bentuk, kejuruteraan, pemasangan dan penyelenggaraan.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (dua kiri) menyampaikan perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani kepada Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Glomac Berhad, Datuk Seri FD Iskandar. Majlis menandatangani perjanjian MoU itu disaksikan oleh Ketua Pegawai Retail, TNB, Kamal Arifin A. Rahman (kiri sekali) dan Pengurus Besar Kanan Business Development & Property Management, Glomac Berhad, Azhar Shaharudin (kanan sekali).